



## SOALAN-SOALAN LAZIM KEMASUKAN KE UKM SESI AKADEMIK 2022/2023

1. **Bilakah Pemohon boleh mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA?**  
*Permohonan kemasukan ke IPTA bagi Sesi Akademik 2022/2023 boleh dikemukakan mengikut program melalui Aplikasi Dalam Talian <http://upu.mohe.gov.my> mulai tarikh seperti berikut :-*
  - Lepasan Diploma/Setaraf : 4 Februari 2022 (capaian mulai 12 tengah hari)*
  - Lepasan STPM/STAM : 4 Februari 2022 (capaian mulai 12 tengah hari)*
  - Lepasan SPM/Setaraf : 4 Februari 2022 (capaian mulai 12 tengah hari)*
  
2. **Bilakah tarikh tutup Permohonan Kemasukan ke IPTA Sesi Akademik 2022/2023?**  
*Tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut :-*
  - Lepasan Diploma/Setaraf : 31 Mac 2022*
  - Lepasan STPM : 31 Mac 2022*
  - Lepasan STAM : 31 Mac 2022*
  - Lepasan SPM : 31 Mac 2022*
  
3. **Dimanakah saya boleh merujuk syarat kemasukan ke UKM?**  
*Syarat kemasukan boleh dirujuk melalui <https://www.ukm.my/akademik/brochure/>*
  
4. **Bagaimanakah mendapatkan borang permohonan kemasukan ke UKM?**  
*Permohonan kemasukan ke UKM adalah dengan mengguna pakai Aplikasi Dalam Talian UPU sepenuhnya melalui <http://upu.mohe.gov.my>.*
  
5. **Bagaimana mendapatkan Nombor Unik ID?**  
*Bagi permohonan Sesi Akademik 2022/2023 boleh memohon terus melalui <http://upu.mohe.gov.my> tanpa mendapatkan Nombor Unik ID.*
  
6. **Perlukah saya sertakan salinan sijil sebagai bukti mengesahkan penglibatan Kokurikulum?**  
*Tidak perlu. Maklumat Kokurikulum akan diselaraskan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Kecuali calon Diploma/Setaraf perlu muat naik sijil kokurikulum di Sistem UPU.*
  
7. **Adakah saya perlu menghantar salinan borang permohonan bersama dokumen sokongan ke UKM?**  
*Tidak perlu.*
  
8. **Apakah elemen yang perlu dimasukkan semasa mengemukakan permohonan?**  
*Rujuk panduan pengisian permohonan UPUOnline melalui <http://upu.mohe.gov.my>.*
  
9. **Saya pelajar lepasan Diploma di UA dan akan tamat pengajian pada bulan Jun 2022, dan telah membuat permohonan UPUOnline, adakah saya boleh ditawarkan tempat pengajian di UKM?**  
*Boleh. Sekiranya anda telah mengisi maklumat awal semasa sesi permohonan dibuka dan membuat mengemaskini keputusan akademik dan muat naik dokumen semasa sesi fasa pengemaskinian.*



**10. Bolehkah pemohon Bukan Warganegara memohon kemasukan ke UKM Bagi Program ASASIPintar UKM?**

*TIDAK BOLEH. Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf terbuka kepada WARGANEGARA MALAYSIA sahaja. KECUALI, membuat permohonan melalui Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional UKM (UKMShape) melalui <https://www.ukm.my/ukmshape/>.*

**11. Bolehkah pemohon Bukan Warganegara dari Luar Negara atau Penduduk Tetap memohon kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lulusan STPM /Setaraf - Ijazah Pertama?**

*YA. Pemohon Bukan Warganegara dari Luar Negara diminta memohon terus ke Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional UKM (UKMShape) melalui <https://www.ukm.my/ukmshape/>.*

**12. Adakah saya dibenarkan membuat pertukaran/pindaan kod program pilihan pengajian selepas tarikh tutup permohonan kemasukan ke IPTA?**

*TIDAK DIBENARKAN kecuali semasa fasa pengemaskinian.*

**13. Adakah saya dibenarkan menukar program pengajian selain dari program yang ditawarkan oleh UKM sebelum saya mendaftar diri?**

*TIDAK DIBENARKAN dan tawaran adalah muktamad.*

**14. Adakah pemohon dibenarkan menukar IPTA setelah menerima tawaran?**

*TIDAK DIBENARKAN kecuali atas alasan kesihatan yang disokong oleh surat Doktor Pakar.*

**15. Apakah yang perlu saya buat jika ibu bapa tiada sijil kelahiran atau sijil kelahiran hilang?**

*Anda boleh mendapatkan sijil lahir yang hilang atau tercicir di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) terdekat.*

**16. Apakah dasar MUET dalam permohonan kemasukan ke UKM bagi Sesi Akademik 2022/2023?**

*Pemohon wajib mendapatkan sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam peperiksaan MUET bagi kelayakan Lulusan STPM/Setaraf yang memohon ke Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf - Ijazah Pertama di UKM.*

*Untuk mengikuti program pengajian Perubatan, Farmasi, Pergigian dan Kejururawatan calon perlu mencapai sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3), bagi mengikuti Program Pengajian TESL, Undang-undang dan Pengajian Bahasa Inggeris Tahap 4 (Band 4).*

*Tempoh sah laku keputusan MUET yang diguna pakai bagi kemasukan pelajar ke UA Sesi Akademik 2022/2023 adalah keputusan yang dikeluarkan mulai 01 Januari 2018 (tempoh sah laku 5 tahun) dan sah diguna pakai sehingga tarikh tutup permohonan.*

**17. Saya adalah pelajar Lulusan Foundation daripada Universiti Swasta, adakah saya layak memohon ke UKM?**

*Tidak*

**18. Adakah saya boleh memohon ke UKM sekiranya saya mempunyai kelayakan A-Level / IB?**

*Ya, anda layak memohon kemasukan ke Program Ijazah Pertama UKM tertakluk kepada syarat kemasukan yang ditetapkan oleh UKM.*

19. Saya mengambil peperiksaan peringkat O-Level dan tidak mengambil SPM kerana mengikuti ibu bapa yang bertugas sebagai kedutaan di luar negara, saya juga telah lulus A-Level/IB, adakah saya layak memohon kemasukan ke UKM?  
*Anda tidak layak memohon kemasukan ke UKM atau ke UA yang lain kerana dasar KPT menetapkan bahawa semua pemohonan masuk ke UA wajib lulus Peperiksaan SPM. Bagaimana pun, anda dinasihatkan memohon kemasukan ke Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional UKM (UKMShape) melalui <https://www.ukm.my/ukmshape/>*
20. Adakah UKM membuka permohonan pada Semester 2?  
*Tiada.*
21. Saya calon Lepas Matrikulasi/STPM Sains dan berminat mengikut program aliran sastera seperti Undang-Undang dan Psikologi, adakah saya layak memohon dan bertukar daripada bidang aliran sains ke aliran sastera?  
*Ya, anda layak memohon kemasukan ke aliran sastera.*
22. Saya mendapat keputusan PNGK 4.00, adakah saya akan dipanggil temuduga program UKM sekiranya saya tidak membuat pilihan 1?  
*Semua calon yang mendapat keputusan PNGK 4.00 dan memilih UKM di Pilihan 1 hingga 4 akan dipanggil temuduga.*
23. Adakah calon yang tamat dalam Program Pendidikan di UKM akan diserapkan terus memasuki perkhidmatan perguruan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia?  
*Tidak, calon lepasan Program Pendidikan yang sekarang dikenal sebagai program 'Open Market' tidak dijamin akan diserapkan ke perkhidmatan perguruan, calon perlu memohon terus ke KPM.*
24. Saya telah mengambil Ujian MUET dan lulus Band 3 pada tahun 2014, adakah dengan keputusan MUET ini saya layak memohon ke UKM?  
*Syarat sah laku MUET ialah selama tempoh 5 tahun sahaja. Bagi kemasukan Tahun 2022/2023 sah laku MUET ialah keputusan yang dikeluarkan pada 1 Januari 2018. Oleh itu, anda perlu menduduki semula Ujian MUET.*
25. Saya telah lulus cemerlang dalam peperiksaan STPM tahun 2018 dan mendapat PNGK 4.00 dan MUET Band 5, tetapi keputusan SPM saya tahun 2016 tidak berapa cemerlang (semua matapelajaran A+ tetapi Fizik sahaja dapat C+), adakah saya masih boleh memohon Program Perubatan, Pergigian dan Farmasi.  
*Anda tidak layak memohon Program Perubatan, Pergigian, Farmasi kerana Malaysian Qualification Agency (MQA) meletakkan syarat khas "Memperoleh sekurang-kurangnya Gred B dalam LIMA (5) mata pelajaran peringkat SPM iaitu Biologi, Kimia, Fizik, Matematik/ Matematik Tambahan dan mana-mana satu mata pelajaran lain"*
26. Saya adalah pelajar tajaan JPA/MARA untuk program ke luar negara, namun saya tidak berjaya mendapat tempat di luar negara kerana markah kecemerlangan A-Level/IB saya tidak mencapai tahap yang ditetapkan oleh penaja, saya juga telah mengambil IELTS/TOEFL tetapi tiada MUET, adakah saya layak memohon ke UKM.  
*Semua pelajar tajaan JPA/MARA yang tidak mendapat tempat ke luar negara boleh memohon kemasukan ke Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional UKM (UKMShape) melalui <https://www.ukm.my/ukmshape/>.*



27. Saya telah mendapat tawaran di UA yang lain tetapi bukan program pilihan saya, adakah boleh saya memohon terus ke UKM untuk merayu dipilih ke program pilihan saya?  
*Anda tidak boleh dipertimbangkan kemasukan ke UKM kerana dasar KPT menetapkan bahawa semua calon hanya akan dapat satu tawaran sahaja.*
28. Saya merupakan pelajar Asasi/Tamhidi feeder di UA yang lain, dan saya tidak dibenarkan memohon kemasukan ke UKM melalui Sistem Aplikasi Atas Talian UPU, adakah boleh saya memohon terus ke UKM?  
*Tidak, semua calon feeder UA tidak dibenarkan ditawarkan oleh UA yang lain.*
29. Saya ada membuat permohonan Online UPU dan dalam masa yang sama saya juga memohon ke UKM melalui saluran B40, adakah saya akan mendapat 2 tawaran iaitu satu UKM dan satu lagi UA yang lain.  
*Tidak, semua calon yang memohon akan mendapat satu tawaran sahaja, sekiranya anda ditawarkan oleh UA dalam sistem UPU maka permohonan B40 di UKM akan ditolak. Sekiranya anda tidak mendapat tawaran di UA lain dalam sistem UPU, anda akan ditawarkan ke UKM tertakluk kepada syarat masuk yang ditetapkan oleh UKM.*
30. Keluarga saya berpendapatan RM8,000 sebulan, adakah saya layak memohon kemasukan melalui saluran B40?  
*Anda tidak layak memohon dibawah saluran B40 kerana kriteria pendapatan B40 ialah pendapatan keluarga dibawah RM4,850 (Definisi B40 mengikut ICU - Unit Penyelarasan Pelaksana Jabatan Perdana Menteri). Selain daripada sumber pendapatan, kriteria B40 diukur daripada status bandar/luar bandar, OKU, yatim-piatu, tanggungan keluarga, bantuan e-kasih/zakat/BRIM dan sebagainya.*
31. Saya berjaya terpilih masuk ke UKM melalui kes rayuan dan tidak sempat membayar yuran kemasukan dan membuat pemeriksaan kesihatan (laporan), apa yang perlu saya lakukan?  
*Anda boleh membuat bayaran yuran dan memuat naik laporan kesihatan secara dalam talian.*
32. Saya adalah bekas pelajar Asasipintar UKM dan telah mendapat tawaran ke Program Ijazah Pertama UKM, saya telah berada di dalam kampus UKM selama hampir satu tahun, adakah saya boleh dikecualikan daripada mengikuti Program Minggu Mesra Pelajar?  
*Program Minggu Mesra Pelajar wajib diikuti oleh semua pelajar, kecuali atas alasan kesihatan yang disokong oleh Doktor Pakar sahaja.*
33. Bagaimanakah caranya untuk saya mengetahui program pengajian yang dipilih adalah program pengajian yang ada temu duga?  
*Program pengajian yang ada temu duga boleh dikenal pasti dengan adanya tanda (#) di bahagian akhir nama program.*

**34. Saya ingin mencetak semua maklumat yang telah dimasukkan, adakah saya boleh mencetak maklumat permohonan semasa mengisi maklumat?**

*Maklumat permohonan hanya boleh dicetak setelah anda selesai mengemukakan permohonan iaitu setelah klik butang "Sah & Hantar". Cetakan daripada laman **SEMAKAN** dan laman **SELESAI PERMOHONAN/KEMASKINI** sahaja yang boleh dicetak dan dijadikan bukti dan rujukan bahawa permohonan anda telah selamat diterima oleh sistem.*

*Maklumat permohonan yang dicetak selain daripada laman ini, **TIDAK** boleh dijadikan bukti permohonan kemasukan ke UKM/IPTA.*

**35. Bagaimanakah saya boleh mengetahui permohonan saya telah selamat diterima oleh sistem ?**

*Anda boleh mengetahui permohonan telah diterima oleh sistem dengan membuat semakan melalui [Menu Semakan] dan emel pengesahan akan dihantar kepada pemohon.*

**36. Semasa permohonan Fasa 1 saya belum memiliki keputusan akhir Matrikulasi/ KPM/PASUM/ASASI, bagaimanakah cara membuat pilihan program pengajian bagi kemasukan ke IPTA?**

*Anda boleh membuat pilihan program pengajian semasa permohonan berdasarkan keputusan Semester Pertama. Setelah keputusan semester akhir diketahui, anda boleh membuat pengemaskinian pilihan program pengajian semasa fasa pengemaskinian dibuka.*

*Perlu diingatkan program pengajian yang mempunyai ujian dan temu duga tidak boleh diubah semasa Fasa pengemaskinian sekiranya calon telah membuat pilihan program bertemu duga semasa permohonan.*

**37. Saya berminat mengikuti Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di UKM. Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi?**

*Calon yang ingin mengikuti Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan diwajibkan menduduki ujian MEdSI dan temu duga yang ditetapkan oleh UKM. Hanya calon yang memenuhi Syarat Am serta Syarat Khas program sahaja akan dipanggil untuk menghadiri ujian MEdSI.*

**38. Bilakah Ujian MEdSI dan Temu Duga dijalankan bagi Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan?**

*Hebahan mengenai ujian MEdSI boleh disemak mulai minggu keempat Mei 2022 di laman web UPSI, mana kala bagi temuduga MedSI melalui <http://www.ukm.my/kemasukan/temuduga>.*

**39. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan status keputusan permohonan kemasukan ke IPTA bagi program Pengajian Lepas STPM/Setaraf ATAU program pengajian Lepas SPM/Setaraf?**

*Anda boleh menyemak status keputusan permohonan ke UKM melalui 3 kaedah berikut :*

*a. Internet :*

- <http://upu.mohe.gov.my>
- <http://www.jpt.uum.edu.my>
- <http://www.jpt.utm.my>
- <http://www.ukm.my/kemasukan/tawaran>

*b. SMS Taip UPU<space>RESULT<space>NO KP dan hantar ke 15888*

*c. Telefon : UPUHotline: 03-8870 8200*



**40. Bagaimanakah saya mendapat surat tawaran dari UKM?**

*Anda boleh mendapat surat tawaran melalui <https://appsmu.ukm.my/edaftar/>. Semua calon yang berjaya ditawarkan akan dimaklumkan melalui smsblast. Anda juga **WAJIB** menyatakan setuju terima tawaran dalam tempoh yang ditetapkan.*

**41. Bagaimanakah saya mengemukakan rayuan sekiranya gagal mendapat sebarang tawaran ke IPTA?**

*Anda boleh mengemukakan permohonan rayuan melalui Aplikasi Dalam Talian (e-Rayuan UPUonline). **HANYA** calon yang **GAGAL** mendapat tawaran ke IPTA sahaja dibenarkan mengemukakan permohonan rayuan dalam tempoh yang telah ditetapkan.*

**42. Bilakah keputusan rayuan diumumkan?**

*Keputusan rayuan permohonan kemasukan ke IPTA akan diumumkan selepas pendaftaran pelajar baharu di UKM.*

**43. Adakah UKM melaksanakan Ambilan Semester Kedua (Disember)?**

*TIDAK.*

**44. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan tajaan PTPTN?**

*Anda diminta merujuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di alamat berikut untuk maklumat lanjut:*

**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL**

*Tingkat Bawah, Menara PTPTN*

*Blok D, Megan Avenue II*

*No.12, Jalan Yap Kwan Seng*

*50450 Kuala Lumpur*

*emel: [eaduan.ptptn.gov.my](mailto:eaduan.ptptn.gov.my)*

*PTPTN Hotline: 03-2193 3000*

**45. Sebarang aduan/pertanyaan berkaitan kemasukan ke UKM;**

*Sila emel kepada [admission\\_ppa@ukm.my](mailto:admission_ppa@ukm.my)/ [azmi9542@ukm.edu.my](mailto:azmi9542@ukm.edu.my)/ [azmie@ukm.edu.my](mailto:azmie@ukm.edu.my)/ [zamri\\_ismail@ukm.edu.my](mailto:zamri_ismail@ukm.edu.my)/ [laily@ukm.edu.my](mailto:laily@ukm.edu.my) atau tel 03-8911 8027/ 8465/ 8173/ 8196*

*Dikemaskini oleh*

*UNIT PENGAMBILAN PRASISWAZAH*

*PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK UKM*